



KENYATAAN MEDIA  
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

**OPERASI JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN) SEPANJANG  
TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

**31 MEI 2021  
PUTRAJAYA**

---

1. Selaras dengan pengumuman Kerajaan berkaitan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 1 hingga 14 Jun 2021, semua urusniaga di kaunter pejabat JPN termasuk di UTC adalah ditangguhkan sepanjang tempoh ini **kecuali** bagi urusan **kes-kes kecemasan** seperti berikut:
  - 1.1 gantian MyKad rosak/hilang (disertakan laporan polis) bagi kes kecemasan seperti urusan bank dan rawatan perubatan sahaja;
  - 1.2 sijil kematian untuk prosedur penghantaran pulang jenazah warga asing yang meninggal dunia di Malaysia ke negara asal;
  - 1.3 sijil kelahiran (pendaftaran baru/cabutan) bagi tujuan rawatan perubatan; dan
  - 1.4 sijil kelahiran (pendaftaran baru/cabutan) anak kepada warga asing yang lahir di Malaysia bagi tujuan prosedur membawa pulang kanak-kanak tersebut ke negara asal
2. Manakala bagi upacara perkahwinan di Pejabat JPN dan di Rumah Ibadat, urusan tersebut turut ditangguhkan sehingga tamat tempoh PKP kecuali kes-kes kecemasan yang memerlukan upacara dibuat segera seperti tarikh upacara yang akan tamat tempoh 6 bulan daripada tarikh permohonan atau kes-kes kecemasan lain yang perlu dirujuk kepada JPN.
3. Bagi pelanggan yang telah mempunyai janji temu dalam tempoh PKP ini, mereka akan dihubungi oleh pihak JPN bagi penjadualan semula tarikh berkenaan. Orang ramai turut dinasihatkan menggunakan perkhidmatan dalam talian JPN untuk memohon dokumen-dokumen yang diperlukan.
4. Sekiranya terdapat pertanyaan, permohonan mendesak atau kes-kes kecemasan, orang ramai boleh menghubungi Bilik Gerakan JPN seperti di Lampiran A atau emailkan pertanyaan ke [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my). Orang ramai juga boleh melayari laman web rasmi JPN di [www.jpn.gov.my](http://www.jpn.gov.my).

**Tamat/.**

**SENARAI TALIAN TELEFON BILIK GERAKAN JABATAN PENDAFTARAN  
NEGARA SELURUH MALAYSIA**

NEGERI	NO TALIAN TELEFON
PUTRAJAYA	03- 8880 7077 (8.00 pagi - 5.00 petang) 03-8880 8234/7069 (5.00 petang- 8.00 pagi)
SELANGOR	03- 5510 7255/ 03-5519 7155
KUALA LUMPUR	03- 6205 7600/7687
JOHOR	07- 234 1690/1691/1634
NEGERI SEMBILAN	06- 765 1611/1610 & 06-761 7690/7691
MELAKA	06- 232 6351
PERLIS	04- 979 5200/5203
KEDAH	04- 731 4585/ 04-735 5744
PERAK	05- 528 8805/06/07
PULAU PINANG	04- 226 5161
KELANTAN	09- 744 1717/ 09-748 2793
TERENGGANU	09- 630 1031/1035/1037/1039/1041
PAHANG	09- 531 8888
SABAH	088- 488 300/301/365
SARAWAK	082- 242 223/221& 082-234054
WP LABUAN	087-443631

\* **Bilik Gerakan selain JPN Putrajaya beroperasi dari 8.00 pagi hingga 5 petang sahaja.**